



## PENANG HALAL INTERNATIONAL DENGAN KERJASAMA SHOPEE MALAYSIA UNTUK MELANCARKAN PENANG E-MALL

**Pulau Pinang, 20 Mei 2020** - Kerajaan Negeri Pulau Pinang di bawah EXCO Jawatankuasa Perdagangan Dalam Negeri dan Antarabangsa, Hal Ehwal Pengguna dan Pembangunan Keusahawanan telah mengambil langkah bekerjasama dengan Shopee bagi menyokong komuniti Usahawan Pulau Pinang dan pelanggan mereka melalui *Penang E-Mall*. Penang Halal International (dikenali juga sebagai PIHH Development Sdn. Bhd.) telah dilantik untuk menguruskan program ini bagi menyokong usahawan mikro dan SME yang terjejas akibat Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan Covid-19.

Sebagai permulaan kerjasama dan pelancaran *Penang E-mall* di Shopee, Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah memperuntukan sejumlah RM 500,000.00 dalam bentuk diskaun baucer. *Penang E-Mall* akan menampilkan pelbagai produk seperti makanan, fesyen, peralatan perkakas rumah dan banyak lagi. Selain itu, Penang E- Mall juga mempunyai ruang khas bagi mempromosikan aktiviti perniagaan Halal & Toyyiban dengan tujuan menyokong perusahaan kecil dan sederhana menjana mendapatkan pada musim perayaan ini dan seterusnya.

Shopee akan memadankan jumlah peruntukan dari Kerajaan Negeri melalui aset pemasaran mereka. Shopee juga akan menawarkan perkhidmatan penghantaran percuma dan baucer promosi yang akan menarik minat pengguna untuk membantu peniaga yang meyertai kempen *Penang E-Mall*. Peniaga Pulau Pinang yang sedia ada dan peniaga baru yang mengambil bahagian di dalam kempen ini akan menerima khidmat latihan e-dagang percuma melalui Universiti Shopee secara serentak. Modul Latihan termasuklah kelas asas bagaimana untuk memulakan perniagaan dan jualan secara atas talian dan juga kelas lanjutan seperti bagaimana untuk mengembangkan perniagaan atas talian dengan menggunakan pengetahuan pemasaran secara digital, kemahiran fotografi dan banyak lagi.

“Kerajaan Negeri Pulau Pinang akan terus menyokong komuniti perniagaan kita dengan mengambil langkah inisiatif untuk memulihkan ekonomi dengan pelancaran *Penang E-Mall @ shopee* dan juga memperuntukan setengah juta ringgit bagi program ini. Kami berharap peluang ini bukan sahaja untuk mewujudkan lagi banyak perniagaan atas talian tapi juga meningkatkan perniagaan dan mendorong Perusahaan kecil dan Sederhana mikro untuk memulakan perniagaan e-dagang tanpa menghadapi pelbagai masalah” kata YAB Chow Kon Yeow, Ketua Menteri Pulau Pinang.



"Kami percaya dengan platform ini membolehkan kita bergerak ke hadapan dengan lebih kuat lagi dengan menyediakan kemahiran asas dan penyelesaian inovatif dalam penglibatan pelanggan atas talian dan e-dagang sejajar dengan kita memasuki norma baru. Kerjasama ini menyediakan saluran baru kepada komuniti perniagaan dan membolehkan perusahaan kecil dan sederhana mikro untuk memberi perkhidmatan kepada pelanggan mereka dan juga mempertahankan perniagaan mereka dengan aliran pendapatan alternatif" kata Y.B. Dato' Haji Abdul Halim Bin Haji Hussain, EXCO Perdagangan Dalam Negeri & Antarabangsa, Hal Ehwal Pengguna dan Pembangunan Keusahawanan Pulau Pinang dan Pengerusi Penang Halal International.

Pengarah Urusan Serantau Shopee, Ian Ho berkata "Trend terkini pengguna Malaysia yang menunjukkan peningkatan dalam penggunaan e-dagang bagi mendapatkan barang keperluan harian merupakan peluang yang baik kepada para usahawan Pulau Pinang untuk meneroka perniagaan secara dalam talian. Kita mengetahui bahawa para usahawan mikro paling terkesan akibat pandemik ini. Dalam usaha membantu golongan ini maju ke hadapan, kami berjanji untuk membantu mereka dalam usaha pendigitalan sepanjang proses peralihan dalam talian melalui kempen, subsidi penghantaran atau bengkel Pendidikan percuma melalui *Shopee University*. Kami berharap dapat mewujudkan paradigma baru yang akan memberi inspirasi kepada lebih banyak usahawan untuk menggunakan kempen-kempen yang berkesan yang telah disediakan oleh pihak Kerajaan Negeri Pulau Pinang dengan kerjasama Shopee seperti kempen Penang E-Mall ini."

Kerjasama ini menguatkan lagi komitmen antara pihak kerajaan dan sektor swasta dalam membantu para peniaga dengan membolehkan mereka mempromosikan dan memasarkan barang mereka menggunakan platform Shopee. Kerjasama ini juga menekankan keseluruhan aspirasi untuk mengembangkan pelaburan dan inovasi dalam menyokong para perusahaan kecil dan sederhana tempatan dan seterusnya memacu ke arah kemajuan ekonomi Malaysia yang mapan.

Usahawan di Pulau Pinang yang berminat untuk menyertai Penang E-Mall @ Shopee boleh klik di URL berikut: [tiny.cc/penangemall](http://tiny.cc/penangemall)

Nota : Baucer diskauan yang tersedia untuk diedarkan kepada usahawan akan diberikan setelah penilaian dan persetujuan berdasarkan konsep *first come first serve basis*.

**YB. DATO' HAJI ABDUL HALIM HUSSAIN**

Pengerusi Penang Halal International

(Penang State EXCO for Domestic & International Trade,  
Consumer Affairs & Entrepreneurship Development)

**PN. AIDA LIM ABDULLAH**

CEO Penang Halal International



Untuk maklumat lanjut boleh menghubungi :

**PENANG HALAL INTERNATIONAL**

TEL : 04 262 5444 atau;

EMAIL : [admin@halalpenang.com](mailto:admin@halalpenang.com)

Web : [penanghalal.international](http://penanghalal.international)

**SHOPEE MALAYSIA**

EMAIL : [pr.my@shopee.com](mailto:pr.my@shopee.com)